

PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



**Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang**

Dengan Kerjasama



**Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur**

JILID 2



REPRESENTASI FIGURA: SATU HURAIAN ESTETIK DALAM CONTENTAN KANAK-KANAK.

ISMAIL HJ IBRAHIM
Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Kajian ini mengukur kriteria contentan kanak-kanak lelaki dan perempuan berdasarkan penghayatan kepada ciri-ciri contentan figura.. Responden kajian terdiri dari dua golongan kanak-kanak dari latar belakang yang berbeza, bandar dan luar bandar. Dua persoalan utama yang cuba dijawab dalam kajian ini, iaitu; adakah wujud perbezaan contentan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan dan bagaimanakah elemen contentan dapat menggambarkan kematangan kanak-kanak. Sebanyak 225 buah contentan yang dihasilkan oleh seramai 120 responden berusia 5-7 tahun secara rawak. Setiap kanak-kanak menghasilkan dua buah contentan di atas dua keping kertas, pertama, lukisan berpandu¹ dan kedua ialah lukisan bebas. Penilaian dibuat berdasarkan kriteria yang dikemukakan oleh Viktor Lowenfeld pada subjek figura. Kajian mendapati bahawa kanak-kanak perempuan lebih matang dari kanak-kanak lelaki.

PENGENALAN

“Art is important for the child. It is important for his thinking processes, for his perceptual development, for his emotional development, for his increasing social awareness, and for his creative development”. (Lowenfeld, 1975:43)

Contentan adalah istilah yang digunakan pada lukisan kanak-kanak. Contentan merujuk kepada penggunaan media yang terhad, representasi imej yang asas/ atau pun simbol pada sesebuah permukaan sama ada di kertas atau di permukaan dinding. Contentan adalah satu representasi gambar yang tidak berstruktur, bebas dari sebarang pengaruh, lebih kepada imajinasi, bersifat emosi yang dapat menjelaskan pemikiran kanak-kanak. Istilah lukisan agak terlalu ideal jika digunakan bagi mengistilahkan hasil dari gambaran ekspresi kanak-kanak.

Penulis menggunakan istilah contentan dalam menghayati lukisan kanak-kanak dari usia 5–7 tahun, yang dikategorikan oleh Lowenfeld (1987) sebagai peringkat praskematik dan skematik.² Kertas kerja ini mengukur aras kematangan kanak-kanak lelaki dan perempuan. Kaedah pengukuran adalah melalui persepsi kanak-kanak terhadap representasi imej figura. Responden kajian ini terdiri daripada kanak-kanak yang berusia 7 tahun dari Sekolah Rendah Pulau Gaya³ Kota Kinabalu dan kanak-kanak berusia 5-6 tahun dari Tadika Salam⁴ Likas, Kota Kinabalu. Responden daripada golongan ini sengaja dipilih sebagai pengukur yang relevan.⁵

¹ ‘Lukisan berpandu’ memberi satu pengertian ‘melengkapkan’ gambar yang sedia ada. Dalam kajian ini, pengkaji mengemukakan dua imej, iaitu ‘pondok telefon’ dan ‘peti surat,’ kanak-kanak dikehendaki melengkapkan contentan tersebut.

² Skematik dalam konteks penghasilan gambar ialah menghasilkan sesuatu mengikut ciri-ciri atau skema objek sebenar. Dalam lukisan figura, skema yang lengkap ialah melukis mengikut setiap anggota yang sebenar. Praskematik ialah percubaan kanak-kanak melukis gambaran figura walaupun tidak lengkap anggotanya.

³ Penduduk Pulau Gaya kebanyakannya terdiri daripada kalangan pendatang tanpa izin kepulauan Filipina. Terletak berhampiran bandaraya Kota Kinabalu yang jaraknya lebih kurang 20 minit perjalanan dengan bot. Kebanyakan penduduk pulau ini terdiri daripada golongan nelayan. Penulis sengaja menggunakan istilah ini memandangkan kebanyakan kanak-kanak ini tergolong daripada keluarga yang tahap ekonominya rendah dan tergolong kedalam kelompok pendatang dari kepulauan Filipina.

⁴ Kanak-kanak yang tinggal di kawasan bandar Kota Kinabalu, terdiri dari golongan keluarga berpendapatan tinggi yang masih lagi berada di alam pra persekolahan, mereka hanya berusia 5-6 tahun.

⁵ Penulis beranggapan bahawa tidak akan berlaku sebarang diskriminasi pada responden kerana mereka terdiri dari keluarga yang berbeza latar belakang.

Perkembangan persepsi kanak-kanak

Proses pertumbuhan kanak-kanak melalui beberapa tahap, ini merupakan suatu proses semula jadi. Tahap perkembangan fizikalnya bermula daripada meniarap, merangkak, berdiri dan seterusnya berjalan; ia adalah suatu proses lumrah pada kanak-kanak normal, cuma yang membezakannya ialah cepat atau lambatnya tahap pencapaian individu itu. Ini boleh disebabkan oleh beberapa faktor sampingan seperti keadaan persekitaran dan faktor pemakanan.

Persepsi kanak-kanak juga turut berubah mengikut perkembangan mental dan fizikalnya. Perkembangan ini dilihat sebagai satu tahap perkembangan visual kanak-kanak. Perkembangan ini boleh diukur apabila persepsinya mampu ditransformasikan di atas permukaan dua dimensi; seperti permukaan kertas. Pada peringkat awal hasilan, disebut *contengan*.⁶ Aktiviti contengan ini, adalah refleksi daripada perkembangan mental kanak-kanak. Para penyelidik di Barat telah mengkategorikan beberapa tahap perkembangan persepsi kanak-kanak mengikut peringkat umur mereka.

Kesepontanan dan keyakinan biasa dilihat dalam lukisan kanak-kanak. Pada peringkat awal menconteng, kanak-kanak melukis daripada apa yang dia nampak; daripada apa yang dia lihat.⁷ Tidak ada apa-apa pengaruh yang dapat mengubah pendiriannya, lantaran contengannya menampakkan satu keaslian semula jadi dan tersendiri.

Contengan peringkat awal banyak dipengaruhi oleh keadaan fizikal badannya, kanak-kanak akan mengenggam bahan melukis dan menconteng; kesan contengannya adalah sesuatu hasilan yang agresif dan tidak ada kawalan. Kriteria ini sama pada setiap contengan kanak-kanak dari semua bangsa di dunia. Mungkin imej yang disampaikan berbeza mengikut keadaan persekitaran yang berlainan (Wilson & Wilson 1982:40). Kanak-kanak dari kawasan pedalaman mungkin memaparkan pemandangan semula jadi seperti gunung-ganang, tetapi bagi kanak-kanak yang tinggal di bandar, mungkin memaparkan sesuatu imej yang ada kaitan dengan persekitaran mereka. Pokoknya, imej yang disampaikan akan membezakan dari mana kanak-kanak itu berasal. Field dan Newick (1973:34) mengatakan tidak ada seorang kanak-kanak pun bebas dari sebarang pengaruh, bahkan lukisan yang dibuat di rumah tanpa panduan pun masih menampakkan perbezaan persekitaran mereka.

Lukisan kanak-kanak berbeza dengan apa yang dihasilkan oleh orang dewasa. Contengannya semakin menampakkan kawalan apabila kanak-kanak itu membesar. Ini dipengaruhi oleh kematapan fizikalnya. Kesan contengan ini semakin lama semakin hilang dan imej yang dipersembahkan semakin dikenali, ciri-ciri kesepontanan dalam contengannya semakin terhakis. Pada tahap ini lakaran itu bolehlah disebut lukisan.

Arnheim (1974:219-302) dalam teori Intelেকnya menyatakan lukisan kanak-kanak pada peringkat awal adalah terhasil daripada sumber '*non-visual*' atau '*non-perceptual knowledge*'.⁸ Persepsi abstrak ini menjadikan lukisan sesuatu yang amat menarik dan mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi, lukisan tidak boleh ditiru oleh mana-mana individu, lukisan adalah pernyataan diri. Dorongan yang wujud dalam diri, akan membuahkan sesuatu di atas permukaan, tanpa mengira di permukaan dinding ataupun permukaan kertas.

Keistimewaan contengan kanak-kanak ini telah menarik perhatian kepada beberapa penyelidik khususnya di barat. Cizek, Lowenfeld, Arnheim, Piaget, Herbert Read adalah antara beberapa tokoh yang banyak menulis tentang bidang perkembangan visual kanak-kanak. Cizek yang menghabiskan lebih empat puluh tahun membuat pemerhatian dan eksperimen berhubung tahap persepsi visual kanak-kanak dari usia 4 – 14 tahun, Cizek menyatakan,

⁶ Lukisan peringkat awal sesuai disebut contengan. Contengan ini biasanya dilihat pada lukisan kanak-kanak peringkat 2-3 tahun yang tidak menampakkan apa-apa imej. Istilah contengan boleh digunakan mengikut kesesuaian tahap kanak-kanak tersebut.

⁷ Hasil contengan kanak-kanak berusia 2-4 tahun merupakan suatu penerokaan ke atas permukaan, mereka suka bereksperimen dengan bahan dan melihat kesan pada permukaan, contengannya menampakkan pergerakan otot dan mengandungi unsur emosi. Tidak ada unsur luar (pengalaman) yang dimuatkan ke dalam contengann walau pun diarah untuk melukis imej yang sedia ada.

⁸ *Non Visual* ialah sesuatu yang mujarad ataupun imajinasi, *non-perceptual knowledge* tidak berlandaskan sesuatu yang dilihat.

The child creates subconsciously.....Art more and dries up because it is supplanted by the intellect, and from the subconscious only a few produce any more. The time for art is over perhaps. In its place probably technique will come. The latter can reach a very high level, of course, an immense accomplishment, but it will be something different from art or another kind of art. (Viola 1942:33).

Wilson (1921) menyatakan,

People make a great mistake in thinking of child art merely as a step to adult art. It is a thing in itself, quite shut off and isolated, following its own laws and not the laws of the grown-up people. Once its blossoming-time is over it will never come again...the great break, the caesura, comes at this period (about fourteen) and after that you have either the art of the adult or no more creative epoch at all. (Viola 1942:63).

Lukisan adalah sesuatu yang dapat memberi kepuasan terhadap diri kanak-kanak. Ia mencetuskan bahasa visual yang agak sukar difahami pada peringkat awalnya. Kebebasan dan kejujuran dalam menghasilkan contengan membuahkan hasil contengan yang lebih kreatif dan inovatif. Penemuan ini akan menjadi kompleks jika terdapat halangan, halangan ini akan memberi gangguan emosi dan kesan negatif terhadap perkembangan psikologi. Kanak-kanak tidak boleh disekat kebebasannya. Sekiranya perkara ini berlaku, ia akan membantutkan perkembangan intelek kanak-kanak.

Beberapa pengkaji bersetuju mengatakan bahawa elemen⁹ dalam lukisan kanak-kanak mempunyai persamaan mengikut tahap-tahap perkembangannya. Beberapa pengkaji bersetuju memperkatakan tahap perkembangan visual kanak-kanak mempunyai kriteria yang sama dari usia 2 tahun hingga 17 tahun.

Kriteria Lukisan kanak-kanak 2-7 tahun

Viktor Lowenfeld (1987) menggariskan dua tahap perkembangan tampak kanak-kanak antara usia 2 hingga 7 tahun, pertama, peringkat contengan¹⁰ (2 hingga 4 tahun), kedua, peringkat pra skematik¹¹ (4 hingga 7 tahun), manakala Piaget dan Inhelder (1956) pula menggariskan usia 2 hingga 4 tahun sebagai tahap prakonseptual dan praoperasi dari usia 4 hingga 7 tahun, Thomas Munro (1956) pula menggariskan tahap perkembangan kepada primatif skematik dan tahap skematik, tidak dinyatakan pula tahap umurnya tetapi pada kebiasaan merangkumi dari usia 2 tahun hingga 7 tahun. Dale Harris dalam kajiannya pada tahun 1963 menggariskan peringkat umur ini sebagai peringkat skematik ataupun ideoplastik.

Secara umumnya, perkembangan artistik kanak-kanak dari usia 2 hingga 7 tahun bolehlah dikategorikan kepada 2 tahap yang menampilkan ciri-ciri berikut; peringkat pertama, kanak-kanak mula menconteng, bereksperimen dengan bahan seperti krayon, arang, dan memaparkan simbol-simbol yang agak sukar dikenali. Peringkat kedua, kanak-kanak cuba memaparkan imej atau simbol secara logik.¹²

Pada peringkat permulaan ini, biasanya contengan mempunyai kaitan dengan pergerakan otot kanak-kanak. Kanak-kanak peringkat dua tahun atau sebelumnya boleh menghasilkan berbagai-bagai jenis garisan tanpa melihat. Kellog (1969:14) dalam kajiannya terhadap seratus ribu lukisan kanak-kanak dapat menggariskan dua puluh jenis contengan yang dihasilkan oleh kanak-kanak yang berusia 2 tahun ke bawah. Contengan kanak-kanak adalah hasil daripada pergerakan spontan dari otot tanpa dikawal oleh mata. Hasilnya adalah satu contengan yang agresif, tanpa kawalan, pelbagai arah dan pengulangan yang berterusan. Kadang-kadang garisannya penuh emosi, hasil daripada tekanan perasaan disebabkan mungkin ia dimarahi oleh ibu atau bapanya. Semakin kanak-kanak membesar, lukisan mereka semakin dapat dikenali, mereka akan meneroka ruang dua dimensi dan seterusnya ruang tiga dimensi.

⁹ Elemen merujuk kepada garisan, rupa dan ruang dalam lukisan kanak-kanak.

¹⁰Contengan membawa makna yang sama dengan pra konseptual dan primatif skematik, iaitu contengan yang tidak memberi apa-apa imej atau gambaran.





¹¹Praskematik memberi makna yang sama dengan pra operasi dan skematik, iaitu percubaan kanak-kanak melukis untuk menghasilkan skema yang betul pada sesuatu objek, sebagai contoh bentuk orang hanya dilukis dengan rupa bulat bagi kepala dan dua garisan menegak bagi kaki. (boleh dikategorikan sebagai simbol).

¹² Logik merujuk kepada percubaan kanak melukis sesuatu objek yang menepati skemanya sebagai contoh, buah epal berwarna hijau, kanak-kanak akan cuba mewarnakan epal yang dilukis kepada warna hijau.

Konsep figura dalam Lukisan kanak-kanak 4-7 tahun

Beberapa kriteria yang boleh dikenal pasti pada peringkat ini ialah i) kanak-kanak menyedari wujudnya hubungan persekitaran, pemikiran dengan figura yang dihasilkan; ii) memikirkan sesuatu konsep dalam persembahan figuranya; iii) rupa-rupa asas¹³ yang dihasilkan telah dapat menyerupai objek figura sebenar; iv) menyedari konsep pembentukan figura; v) mempunyai keyakinan dalam representasi figuranya vi) terdapat ciri-ciri ekspresi pada figura; vii) menampakkan ciri-ciri pengalaman pada figura, dan viii) persembahan ciri-ciri rupa geometri semakin berkurangan. Kriteria ini dijadikan pengukur sebagai instrumen kajian.

Gambarajah 1: Kriteria contengan kanak-kanak 4-7 tahun.





Contengan	Kriteria	Deskripsi
 <p>Gambarajah a</p>	<p>i) Menyedari wujudnya hubungan persekitaran, pemikiran dengan figura.</p> <p>ii) Memikirkan sesuatu konsep dalam persembahan figuranya</p>	<p>i) Terdapat sesuatu konsep yang disampaikan dalam representasi figura.</p> <p>ii) Gambaran pengalaman kanak-kanak iaitu satu peristiwa.</p>
 <p>Gambarajah b</p>	<p>iii) Bentuk-bentuk asas (simbol) yang dihasilkan telah dapat menyerupai objek figura sebenar.</p> <p>iv) Menyedari konsep pembentukan figura.</p> <p>v) Mempunyai keyakinan dalam representasi figura.</p>	<p>i) Bentuk-bentuk asas figura (gambaran orang lidi) semakin hilang.</p> <p>ii) Mula menyedari skema figura.</p> <p>iv) Memikirkan ciri-ciri yang wujud pada bahagian kepala.</p>
 <p>Gambarajah c</p>	<p>vi) Terdapat ciri-ciri ekspresi pada figura.</p> <p>vii) Menampakkan ciri-ciri pengalaman pada figura.</p> <p>viii) Persembahan ciri-ciri rupa geometri semakin berkurangan</p>	<p>i) Terdapat ciri-ciri ekspresi pada bahagian muka..</p> <p>ii) Terdapat ciri yang agak kompleks pada sesuatu bahagian</p> <p>iii) Garisan menegak pada bahagian kaki dan tangan</p>
 <p>Gambarajah d</p>		<p>i) Menampakkan ciri-ciri aksi dan perwatakan.</p> <p>ii) Menceritakan peristiwa/ pengalaman pada figura.</p> <p>viii) Persembahan rupa geometri semakin hilang.</p>


¹³ Rupa-rupa asas ialah simbol yang mewakili imej sebenar. Dalam contengan kanak-kanak imej yang dihasilkan adalah imej yang mudah yang dapat dikenali sebagai mewakili imej asal.

Kaedah penilaian

Sebanyak 225 buah contengan telah dipilih dan kesemua contengan tersebut telah dinilai berdasarkan ciri-ciri yang dikupas dari teori yang dikemukakan oleh Viktor Lowenfeld (lihat gambarajah 1). Pengukuran dibuat berdasarkan representasi figura pada setiap contengan mengikut jantina kanak-kanak. Contengan dikelaskan mengikut skor yang diperolehi berdasarkan kriteria pada setiap contengan (lihat huraian kriteria dalam gambarajah 2). Skor yang tertinggi ialah 4 dan terendah ialah 1.


Gambarajah 2: Penilaian contengan berdasarkan pemberatan skor 4 – 1 (Ubahsuai dari format dan instrumen yang digunakan oleh Brian Allison (1974) dalam tesis *A Test of Children's Ability to Produce Pictorial Concept*).

Contengan 1	Contengan 2
	
<p><u>Skor 4</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kejelasan representasi figura dari sudut aksi, idea, dan tema ii) Memikirkan sesuatu konsep dalam persembahan figuranya iii) ketepatan bentuk yang menyerupai objek figura sebenar v) Mempunyai keyakinan dalam representasi figuranya vii) Memaparkan ciri-ciri pengalaman pada figura 	
	
<p><u>Skor 3</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Kejelasan representasi figura dari sudut aksi, idea, dan tema ii) Memikirkan sesuatu konsep dalam persembahan figuranya iii) Mengekalkan bentuk geometri pada figura v) Mempunyai keyakinan dalam representasi figuranya vii) Memaparkan ciri-ciri pengalaman pada figura 	



Skor 2

- i) Kesamaran representasi figura dari sudut aksi, idea, dan tema
- ii) Mengabaikan sesuatu konsep dalam persembahan figuranya
- iii) Kurang penekanan bentuk geometri pada figura
- v) Kurang keyakinan dalam representasi figuranya
- vii) Masih memaparkan ciri-ciri pengalaman pada figura



Skor 1

- i) Kesamaran representasi figura dari sudut aksi, idea, dan tema
- ii) Mengabaikan sesuatu konsep dalam persembahan figuranya
- iii) Tidak ada penekanan bentuk geometri pada figura
- v) Kurang keyakinan dalam representasi figuranya
- vii) Tidak memaparkan ciri-ciri pengalaman pada figura

Dapatan kajian

Jadual 1 : Bilangan pelajar mengikut peringkat umur.

Sekolah	Umur	Bilangan	Peratus
S.R.K Pulau Gaya	7	83	30.7%
Tadika Salam Likas	5-6	37	100%

Jadual 1, menjelaskan bilangan umur dan peratus responden. Penyelidik memilih secara rawak sebanyak dua kelas, iaitu 23% peratus daripada 270 orang jumlah kanak-kanak tahun satu yang berumur 7 tahun di Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Gaya. Manakala di Tadika Salam, Likas, Kota Kinabalu, seramai 37 orang kanak-kanak, iaitu 100% pelajar telah dipilih.

Jadual 2 : Bilangan contengan mengikut jantina.

Jantina	Bil. contengan	Peratus
Lelaki	119	52.9%
Perempuan	106	47.1%
JUMLAH	225	100%

Jadual 2, menjelaskan bilangan contengan kanak-kanak dari Sekolah Rendah Kebangsaan Pulau Gaya dan Tadika Salam, Likas, Kota Kinabalu. Bilangan contengan dari kanak-kanak lelaki yang telah dipilih sebanyak 119 buah iaitu 52% dan bilangan contengan dari pelajar perempuan ialah sebanyak 106 buah iaitu 47.1%.

Jadual 3 : Dapatan analisis contengan mengikut jantina.

Skor*	Contengan kanak-kanak lelaki	Peratus	Contengan kanak-kanak perempuan	Peratus
04	12	5.3%	34	15.1%
03	17	7.6%	15	6.7%
02	24	10.7%	18	8%
01	66	29.3%	39	17.3%
JUMLAH	119	52.9%	106	47.1%

* 04 - Cemerlang, 03 - Baik, 02 - Memuaskan, 01 - Lemah


Purata skor 4 memihak kepada contengan kanak-kanak perempuan iaitu 15.1 peratus berbanding dengan contengan kanak-kanak lelaki 5.3%. Skor 3 memihak kepada contengan kanak-kanak lelaki iaitu 7.6% dan contengan perempuan 6.7%. Skor 2 memihak kepada contengan kanak lelaki iaitu 10.7% dan contengan kanak-kanak perempuan iaitu 8%. Skor 1 juga memihak kepada kanak- contengan kanak lelaki 29.9% dan perempuan sebanyak 17.7%.

Berdasarkan Jadual 2 di atas, penulis mendapati kanak-kanak perempuan melebihi kanak-kanak lelaki dari segi skor 4 dan 3 iaitu sebanyak 21.8%, kanak-kanak lelaki hanya mencapai 12.9%. Skor 02 dan 01 kanak-kanak lelaki melebihi kanak-kanak perempuan iaitu 40%, kanak-kanak perempuan hanya 25.3%.

Gambarajah 3: Perbezaan dari segi pencapaian persepsi kanak-kanak lelaki dan perempuan.



Contengan kanak-kanak Lelaki

Contengan kanak-kanak perempuan




Gambarajah 3a

Gambarajah 3b




Gambarajah 3c

Gambarajah 3d



Gambarajah 3e

Gambarajah 3f



Gambarajah 3g.



Gambarajah 3i



Gambarajah 3h



Gambarajah 3j

Terdapat perbezaan yang agak ketara antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan. Gambarajah 3 dapat menjelaskan pencapaian sebenar kemampuan kanak-kanak lelaki dan perempuan. Penulis mengambil hanya beberapa contoh gambar bagi menghuraikan kriteria penilaian berikut:

i) Kejelasan representasi figura dari sudut aksi, idea, dan tema.

Kebanyakan contengan menampilkan satu aksi yang menjurus kepada sesuatu tema atau penceritaan: gambarajah 3g jelas menunjukkan satu keadaan yang berlaku di sebatang jalan raya; gambarajah 3h merakamkan satu keadaan di sebuah taman bunga. Persekitaran yang digambarkan oleh kanak-kanak lelaki menjurus kepada satu persekitaran *outdoor* yang dikaitkan dengan satu keadaan lasak dan membahayakan. Kanak-kanak perempuan kebanyakannya menampilkan tema yang agak berbeza dari segi persekitarannya, memaparkan aktiviti yang kurang lasak, tidak menunjukkan petanda aktiviti *outdoor* kecuali gambar 3h yang menggambarkan persekitaran taman bunga, suatu tempat yang tidak terdedah kepada bahaya. Representasi figura yang dipaparkan oleh kanak-kanak ini menampakkan perbezaan aksi yang agak ketara. Kanak-kanak lelaki menghasilkan bentuk yang agak ringkas, seponatan dan agresif, hanya memaparkan garisan mudah sebagai simbol kepada bentuk figura. Berbeza dengan kanak-kanak perempuan yang lebih menampilkan skema yang lebih lengkap dalam pembentukan figura. Olan rupa yang cermat dan teliti dapat memberi kesan kepada ciri-ciri kelembutan.

ii) Memikirkan sesuatu konsep dalam persembahan figuranya.

Adanya satu konsep yang hendak disampaikan dalam contengan mereka. Setiap figura yang dilukis menunjukkan adanya hubungan dengan dengan objek yang lain. Gambarajah 3j menunjukkan adanya hubungan anak, ibu dan bapa. Gambarajah 3i menjelaskan dua watak sedang berjalan. Gambarajah 3a menampilkan watak yang tidak sepadu, seolah-olah wujud cara berasingan.

iii) Ketepatan bentuk yang menyerupai objek figura sebenar.

Pada peringkat awal contengan, kanak-kanak belum berupaya untuk menghasilkan rupa-rupa objek yang dilukis. Mereka hanya mampu menghasilkan rupa geometri pada bahagian anggota yang penting; biasanya bahagian kepala dilukis dengan bentuk geometri bulat; bahagian badan dilukis dengan bentuk geometri empat segi dan bahagian punggung dilukis dengan bentuk geometri tiga segi atau pun dua garisan yang menegak kebawah yang menggambarkan anggota kaki (lihat gambarajah 3a, 3b, 3e, 3g dan 3i). Semakin dewasa bentuk-bentuk ini berubah menyerupai objek sebenar yang digambarkan. Gambarajah 3d, 3f dan 3j menampakkan adanya pertalian yang lebih natural menyerupai objek sebenar.

iv) Mempunyai keyakinan/kesepontanan dalam representasi figuranya.

Kanak-kanak menconteng secara ikhlas, tidak ada sebarang pengaruh yang boleh mengubah contengannya kecuali emosi yang terganggu. Mereka mempunyai keyakinan untuk melahirkan sesuatu didalam contengannya tanpa ada rasa segan dan silu. Walaupun figura yang dihasilkan adalah "orang lidi" namun

ia tetap dihasilkan dengan rasa keyakinan diri untuk menceritakan sesuatu watak. Kriteria ini terdapat dalam kesemua contengan dalam gambarah 3 di atas.

v) *Memaparkan ciri-ciri pengalaman pada figura.*

Contengan kanak-kanak merupakan catatan pengalamannya. Pengalaman kanak-kanak merupakan sumber inspirasi kepada contengan mereka. Kanak-kanak hanya merakamkan sesuatu peristiwa yang pernah dilaluinya. Persekitaran memainkan peranan dalam pembentukan peribadi kanak-kanak. Rakaman peristiwa disertai dengan lontaran imajinasi yang begitu mendalam. Kadang-kadang dalam satu peristiwa yang dirakamkan terdapat elemen yang keterlaluan atau “exagerate” dipersembahkan. Dalam gambarajah 3 hanya gambarajah 3c yang menunjukkan keadaan ini.

Jadual 4: Perbezaan dari segi pencapaian tahap representasi figura berdasarkan konsep rupa antara kanak-kanak lelaki dan perempuan.

Bahagian Anggota	Lelaki	Perempuan
Kepala	i) Rupa asas bulat bagi kepala. ii) Lengkap mata, hidung dan mulut.	i) Rupa asas bulat semakin hilang dan menyerupai bentuk sebenar. ii) Lengkap mata, hidung dan mulut.
Rambut	i) Pengulangan garisan bagi lelaki dan satah hitam bagi wanita.	i) Pengulangan garisan bagi lelaki dan satah hitam bagi wanita.
Leher	i) Mempunyai leher	i) Kebanyakan figura tidak mempunyai leher.
Lengan	i) Garisan selari kebawah atau lintang.	i) Rupa empat segi bagi lengan
Tangan	i) Hanya rupa bulat	i) Lebih natural, kadang-kadang menampakkan jari dalam bentuk bujur.
Punggung	i) Tidak ada pemusatan pada bahagian ini	i) Selari dengan bahagian badan/kaki
Kaki	i) Hanya garisan selari kebawah	i) Empat segi panjang, sebahagiannya memasukkan jari

KESIMPULAN

Dapatan kajian mendapati contengan kanak-kanak perempuan lebih mirip kepada skema sesuatu objek. Contengannya menampilkan satu ciri kesedaran terhadap objek itu. Dapat menampilkan skema anggota dengan jelas dan menepati objek yang dilihat. Ini menunjukkan kanak-kanak perempuan mula meletakkan diri mereka dalam situasi kanak-kanak dewasa, melihat, berfikir dan menyampaikan maklumat di atas permukaan kertas. Apabila situasi ini berlaku maka ciri-ciri contengan mereka akan menampakkan perlakuan yang tidak bebas, tidak seponan dan adanya ciri-ciri kawalan pada objek yang diconteng, contengan ini dapat dilihat dengan jelas pada gambarajah 3d, 3f dan 3j. Contengan kanak-kanak perempuan juga kurang imajinasi tidak meletakkan diri mereka di alam fantasi, lebih memusat kepada perwatakan individu atau kumpulan yang kecil. Contengan mereka tidak menggambarkan banyak aktiviti dan perwatakan, hasilnya adalah satu contengan yang kurang kreatif.

Kanak-kanak lelaki menampilkan ekspresi yang bebas dalam contengannya, tidak memikirkan skema pada sesuatu objek itu, malah menampilkannya dalam bentuk fantasi dan imajinasi. Tidak memfokus pada objek, mementingkan penceritaan atau aktiviti yang pernah dilaluinya. Representasi figuranya adalah praskematik yang berbentuk ‘orang lidi’ sama dengan representasi kanak-kanak yang berusia 2-4 tahun. Contengannya lebih bebas, tidak ada kawalan, tidak ada ikatan emosi dan mempunyai daya imajinasi yang tinggi dan kreatif.

Kanak-kanak perempuan menampilkan ciri-ciri kematangan kerana mereka mampu mendominasi representasi figura menepati skema figura sebenar dalam contengannya, berbeza dengan kanak-kanak lelaki mereka kurang tumpuan kepada kepada sesuatu objek yang diconteng, representasi figura tidak

difokuskan, hasilnya adalah satu simbol praskematik yang menampilkan ciri-ciri orang lidi. Namun begitu kontengannya lebih kreatif dan ekspresi yang jujur.

RUJUKAN

- Arnheim, R. (1974). *Art and Visual Perception*. Berkeley, Los Angeles: University of California Press.
- Blair, G.M., Stewart, R dan Simpson, R.H. (1975). *Educational Psychology* (4th ed.) New York: Mc Graw Hill.
- Eisner, E. (1972). *Educating Artistic Vision*. New York: Macmillan.
- Field, D. and Newick, J. (Eds.). (1973). *The Study of Education and Art*. London: Routledge, Kegan & Paul Ltd.
- Harris, D.B. (1963). *Children Drawing*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Kellog, R. (1969). *Analyzing Children's Art*. Palo Alto: National Press Books.
- Lester, P.M., (1995) *Visual Communication: Images With Messages*, USA: Wadsworth Publishing Company
- Lowenfeld, V. (1987). *Creative and Mental Growth*. New York: MacMillan.
- Piaget, J. and Inhelder, B. (1956). *The Child's Conception of Space*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Thomas Munro, T. (1956). *Art Education: Its Philosophy*. New York: The Liberal Art Press.
- Viola, W. (1949). *Child Art*. London: University of London Press.
- Viola, W. (1942). *Child Art*. London: University of London Press.
- Wilson, B. & Wilson, M. (1982). *Teaching Children to Draw*. New York : Holt, Rinehart & Winston.